

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (63)
Tarikh : 3 Februari 2016

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "NENEK SENGSAARA
TIADA STATUS WARGANEGARA" BERTARIKH 1 FEBRUARI 2016, ISNIN – M.S: 4**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Khartik Kesan a/l Suburamianam berkenaan nenek beliau Puan Letchumi a/p Ramayah yang masih memegang Kad Pengenalan Merah (MyPr) dan berstatus bukan warganegara.

3. Hasil semakan mendapati Puan Letchumi a/p Ramayah telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1) pada 1.4.2013 di JPN Daerah Jempol dan permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk pertimbangan serta keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.

4. Ingin dijelaskan bahawa pemberian taraf kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia. Walaupun pemohon mempunyai kelayakan dan memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan namun penganugerahan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara Kerajaan Malaysia serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k. :
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)